

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL

SOALAN : NO. 539

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini penghutang PTPTN yang disenarai hitamkan untuk ke luar negara dan kadar pembayaran diterima balik oleh PTPTN bagi tahun 2014-2015 dan jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah melibatkan PTPTN dan penghutang bagi tahun 2014-2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang fleksibel terhadap semua peminjam PTPTN. Tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam PTPTN adalah merupakan pendekatan terakhir dibuat setelah pelbagai langkah peringatan dan ruang perundingan diberikan. Status terkini senarai hitam, jumlah bayaran balik yang diterima, jumlah kes dibawa ke mahkamah dan bilangan peminjam bagi tempoh 2014 hingga 2015 adalah seperti berikut:

- (i) seramai 91,381 orang peminjam telah disenarai hitam daripada meninggalkan negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia. Dalam tempoh yang sama, seramai 42,781 orang telah berunding dan membuat bayaran balik berjumlah RM105 juta;

- (ii) sebanyak 8,788 saman telah dikeluarkan kepada peminjam; dan
- (iii) sehingga tahun 2014, seramai 1,627,236 orang peminjam perlu membayar balik, manakala sehingga tahun 2015, seramai 1,879,460 orang peminjam perlu membayar balik PTPTN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG
PAUH]**

SOALAN : 540

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bayaran kos penyelenggaraan, bahan bakar, fi pendaratan dan bayaran krew penerbangan yang melibatkan kesemua pesawat rasmi Kerajaan dan apakah kondisi terkini pesawat terbabit dan kos penerbangan bagi perjalanan rasmi melibatkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagi tempoh 2013-2015.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK ABD. RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Abd. Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk:-

- (a) Menaik taraf / membaiki bangunan sekolah-sekolah kebangsaan di kawasan luar Bandar yang terlalu daif dan uzur khususnya di kawasan Parlimen Kudat; dan
- (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam memastikan kemudahan-kemudahan yang terdapat di asrama-asrama sekolah luar Bandar di dalam keadaan baik dan selesa digunakan.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menaik taraf dan membaik pulih bangunan sekolah yang daif di semua negeri, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan akses pendidikan kepada semua murid. Dalam perancangan pembangunan pendidikan, KPM memberi keutamaan kepada kerja baik pulih dan naik taraf bangunan sekolah yang uzur dan daif. Walau

bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

KPM mengambil perhatian isu penyelenggaraan sekolah-sekolah daif dan asrama sekolah luar bandar di negeri Sabah termasuklah di Parlimen Kudat. Jawatankuasa sedia ada di peringkat Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah telah memberi keutamaan kepada perkara ini. KPM telah memohon peruntukan sebanyak RM2.04 billion bagi tahun 2016 untuk penyelenggaraan semua sekolah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan hanya meluluskan peruntukan sebanyak RM61 juta sahaja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5.82 juta telah diagihkan kepada JPN Sabah untuk suku tahun pertama 2016.